

**TALKING POINT**  
**BRIG JEN DATO PROF DR KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR UniMAP MERANGKAP Pengerusi**  
**MAKUM**  
**SEMPENA MAJLIS MESRA MEDIA FEStKUM 2009**  
**DI TASIK PUTRAJAYA**  
**PADA 24 FEBRUARI 2010**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Y. Bhg. Profesor Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah,  
Timbalan Naib Canselor ( Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni)  
Universiti Sains Islam Malaysia.

Pn. Norliza Bt Mohd Ali

Timbalan pengarah (Bahagian Kandungan Program) RTM

En Mohd. Zein Sahid

Wakil (Dato' Norliza Rofli) Jabatan Kebudayaan & Kesenian  
Negara (JKKN)

Pegawai-pegawai Kebudayaan IPTA/IPTS serta Sekretariat  
Makum, Wakil-wakil Media, seterusnya hadirin dan hadirat  
yang dihormati sekalian.

Salam Satu Malaysia.

Good Evening, Wan Shang Hao, Maalai Vanakam, Ma Sa An Khair, Ra Thri Sawat.

- Alhamdulillah, puji dan syukur Selawat dan salam untuk junjungan besar kita Nabi Muhammad (s.a.w), anggota keluarga, para sahabat dan seluruh umat baginda.
- Hanya dengan bimbingan dan panduan sunnah Rasulullah (s.a.w) kita dapat mencuci yang cemar, menjernihkan yang keruh dan membetulkan yang salah.
- Marilah kita bersama-sama bertekad memperbaiki kualiti diri dari sehari ke sehari supaya kita, apabila sampai masanya, dengan mudah digolongkan oleh Yang Maha Berkuasa ke dalam golongan umat Rasul-Nya di dalam syurga yang tiada tara nilai harganya.

Hadirin dan hadirat sekalian,

- Terlebih dahulu izinkan saya mengalu-ngalukan kehadiran anda semua terutama sekali yang kita raikan wakil-wakil media sekalian yang banyak menyumbang bakti menyalurkan promosi bagi program Sulung

MAKUM iaitu Festival Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (FESTKUM) yang berlangsung dengan jayanya pada bulan Disember lalu.

- Sesungguhnya, peranan media dalam membantu promosi baik di peringkat persekutuan, negeri mahupun IPTA malah masyarakat sendiri memang tidak boleh dinafikan.
- Ibarat aur dengan tebing begitulah gambaran betapa akrabnya hubungan Media dengan masyarakat keseluruhannya. Selain membantu menyebarkan segala maklumat tentang program dan dasar kerajaan, media turut berperanan mendidik masyarakat menerusi penyebaran pelbagai maklumat berguna.
- Malah, Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak sendiri pernah menyatakan peranan wartawan dan media sangat penting dalam membimbing pemikiran orang ramai tetapi haruslah memiliki tanggungjawab, empati dan cakna dalam setiap sajian berita, isu dan idea.

Hadirin dan hadirat sekalian,

- Dalam konteks Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta pula, Media dilihat mempunyai peranan penting dalam menggalakkan pembangunan keperibadian di samping institusi pengajian tinggi di negara ini. Media berperanan besar untuk meningkatkan imej dan reputasi sesebuah Universiti.
- Sesungguhnya IPTA dan IPTS perlu membina perwatakan yang baik terutama melalui pengajuran aktiviti dan pencapaian universiti tetapi media mempunyai peranan penting dalam memastikan kita menonjolkan perwatakan baik ini supaya ia menggalakkan orang lain supaya bersikap dengan baik.
- Bagi kami di UniMAP sendiri, kerjasama yang diberikan oleh media dijadikan indicator bagi menilai keberkesanan pelan Strategik UniMAP yang diukur melalui bilangan berita positif yang disiarkan oleh agensi media di Malaysia.
- Pada tahun lalu (2009), berita positif mengenai UniMAP yang tersiar di media cetak berjumlah 534 dan ia

merupakan peningkatan yang tinggi berbanding hanya 320 pada tahun 2008. Kejayaan ini secara tidak langsung membantu meningkatkan imej dan reputasi UniMAP di kalangan masyarakat terutamanya di Perlis.

- Sesungguhnya, kejayaan ini diraih berkat sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh agensi media bukan setakat di Perlis malah seluruh Malaysia terhadap semua aktiviti anjuran UniMAP.
- Dan apabila menerajui MAKUM, saya sentiasa menekankan pentingnya peranan media untuk mempromosikan aktiviti serta program yang MAKUM anjurkan agar ia mampu memberikan impak yang besar.
- Sehingga kini saya amat berpuas hati dengan kerjasama yang diberikan oleh agensi media yang KEKAL mengamalkan kebebasan melaporkan mengikut etika yang betul.
- Ini kerana, kebebasan media jika disalahgunakan mampu memberi kesan buruk jika tidak dikawal.

Perkara ini sering berlaku di kalangan pengamal media Barat yang menggunakan alasan kebebasan media untuk kepentingan mereka namun hakikatnya mereka sering memihak walaupun nampak bebas di atas kertas.

- Sewajarnya kita bersyukur dan berasa bertuah kerana pengamal media di Malaysia masih bersikap toleransi dan sentiasa mengambil kira sensitiviti masyarakat dalam melaporkan sesuatu berita.
- Maka atas sebab itulah, majlis ini dianjurkan khusus untuk meraikan golongan pengamal media yang banyak membantu mempromosikan aktiviti FESStKUM baik dari media cetak mahupun media elektronik.
- Saya tidak ingin bercakap panjang, justeru izinkan saya berpantun untuk menyalurkan rasa penghargaan dan terima kasih saya yang tidak terhingga untuk sekretariat MAKUM amnya dan wakil-wakil media khasnya atas sumbangan dan jasa bakti kalian semua.

Melayu, Cina, India dan Etnik juga,  
Serumpun berkumpul dalam satu perdu;  
**FEStKUM** memeterai gabungan tiga,  
MAKUM bersama KPT dan KPKK bersatu padu.

**FEStKUM** berjaya mencorak kegemilangan,  
Nyanyian dan tarian silih berganti;  
1 Budaya 1 Malaysia jadi pegangan,  
Kebudayaan dan kesenian dijulang tinggi.

Kompang dipalu menyambut tetamu,  
Bergema alam ketukan cak lempong;  
20 IPTA merentas rimba untuk bertemu,  
7 hari 6 malam **FEStKUM** berkampong.

Berwarna warni bagaikan pesta,  
Pakaian tradisi turut dipadankan;  
Riuh rendah alam semesta,  
Pabila 8 acara dipertandingkan.

**FEStKUM** dicanang di sana sini,  
Tak kira di TV mahupun di akhbar;  
Perpaduan kaum menyemarakkan seni,  
Bendera 1 Malaysia megah berkibar.

Rakan Media Rakan sejati  
 Penyampai maklumat sepanjang masa;  
 Terima kasih dari lubuk hati  
 Semoga bertemu lagi di lain masa.

Mengerah keringat menggembleng tenaga,  
 Sekretariat & Tuan Rumah bersatu hati;  
 Budi kalian sungguh tak terhingga,  
 Akan dikenang hingga ke mati.

Pahang persembahkan Zapin Pekan,  
 Palu rebana pukullah gendang;  
 Cacat dan cela harap dimaafkan,  
 Akan diperbaiki di tahun mendatang.

Dari Perlis berlayar hingga ke Sabah,  
 Bersama-sama merasa penat mengemudi;  
 MAKUM mengucapkan terima kasih 'Bah',  
 Kerana tak kenal penat menabur budi.

**FEStKUM** 2009 menutup buku,  
 Meninggalkan lebih 1001 ceritera;  
 Wahai taulan wahai sahabatku  
 Nantikan **FEStKUM** 2010 di Zon Utara.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.